

23 AUG 2003

MAHATHIR-ENJIN

KUASAI TEKNOLOGI MEMBUAT ENJIN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Malaysia perlu menguasai teknologi membuat enjin supaya kereta dan motosikal yang dikeluarkan di negara ini boleh bersaing di pasaran terbuka dengan berkesan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu kepada teknologi ini supaya kita tidak terus menjadi pengguna sahaja dan kos akan dapat dikurangkan," katanya pada majlis pelancaran moped (basikal bermotor) dan motosikal baru Motosikal Dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas), di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, mengimport enjin akan meningkatkan kos kenderaan kerana pembekal asing perlu menambah margin untuk meraih untung.

Untuk bersaing dalam pasaran yang lebih liberal, pengeluar-pengeluar Malaysia bukan sahaja perlu mengurangkan kos, malah juga perlu memperbaiki kualiti kerana perlindungan daripada perkara-perkara seperti cukai yang tinggi dan halangan tarif yang dahulunya diberikan kepada pengeluar tempatan, terpaksa dikurangkan.

"Sebab itu keupayaan dan kebolehan kita mencipta dan mengeluarkan barangan sendiri menjadi begitu penting bukan hanya untuk mengurangkan kos tetapi juga untuk membuktikan kita sudah dewasa, sudah major dalam bidang industri," kata Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, Modenas mempunyai tanggungjawab untuk mengeluarkan enjin kecil dan beliau percaya usaha itu sudahpun berjalan.

Pengetahuan mengenai jentera adalah penting kerana ia membolehkan banyak barangan dikeluarkan di negara ini dan juga membolehkan Malaysia benar-benar mencapai kecemerlangan dalam sektor kejuruteraan, katanya.

Dr Mahathir berkata, enjin kecil mempunyai pelbagai kegunaan, bukan sahaja bagi motosikal dan skuter, malah juga bagi janakuasa elektrik, mesin rumput, motor sangkut dan lain-lain.

Katanya, banyak negara maju yang mencapai kemerdekaan lebih kurang sama masa dengan Malaysia kini cemburu dengan kejayaan negara ini mengeluarkan kereta dan motosikalnya sendiri.

"Sebenarnya tidak ada misteri atau sesuatu yang ajaib pada kita. Yang perlu hanyalah, dedikasi dan keyakinan yang kita boleh buat," tegasnya.--

Rakyat Malaysia, katanya, boleh berjaya dalam apa sahaja usaha asalkan mereka sanggup belajar, berlatih, rajin dan sanggup membuat pengorbanan kecil serta menghadapi cabaran.

Pada satu sidang media yang diadakan kemudiannya, Perdana Menteri ditanya tentang rentak lagu kebangsaan yang lebih perlahan daripada versi 1992 dan berbunyi hampir sama dengan versi 1957.

Dr Mahathir berkata, rentak "Negaraku" dipercepatkan sedikit pada 1992 kerana dirasakan versi 1957 itu "tidak cukup pantas dan tidak begitu cergas."

"Tetapi, selepas itu, ada orang merasakan ia patut digubah semula untuk memberi lebih kesan bila kita mendengarnya atau bila kita menyanyikannya.

"Ia masih lagu Negaraku yang sama tetapi kita gubah semula skornya (nota muzik)," katanya.

Negaraku telah dipilih oleh Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman dan telah menjadi lagu kebangsaan sejak 1957. -- BERNAMA

MAD FR KY ZK